

Soalan No:19

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[KANOWIT]****TARIKH : 8.11.2017****SOALAN :**

**Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan tindakan Kerajaan pusat terhadap dasar dan hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk menggabungkan sekolah kurang murid (SKM) yang uzur dan tidak mempunyai kelengkapan atau kemudahan yang mencukupi, supaya sekolah moden dapat ditubuhkan bagi menggantikan sekolah yang daif ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk menggabungkan Sekolah Kurang Murid (SKM) yang uzur dilihat selari dengan Pelan Hala Tuju SKM yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui strategi jangka pendek dan jangka panjang. Bagi jangka pendek, strategi ini melibatkan perkara-perkara berikut:

- i. Penggredan semula SKM;
- ii. Kelas bercantum (enrolmen  $\leq 30$  murid);
- iii. Penempatan Guru Pemulihan; dan
- iv. Pelaksanaan Norma Guru Kelas Bercantum.

31

Manakala strategi jangka masa panjang pula adalah seperti berikut:

- i. Penggabungan sekolah (radius  $\leq 5$ km, sama aliran), maksudnya kalau kawasan itu mempunyai sekolah SK, SJKC dan SJKT lebih daripada dua atau tiga buah; dan
- ii. Kekal atas keperluan.

Pelaksanaan Pelan Hala Tuju SKM KPM sehingga kini adalah berdasarkan kriteria utama penggabungan iaitu sekolah sama aliran dan tidak menimbulkan implikasi penambahan bilik darjah atau perjawatan. SKM yang terlibat tidak akan ditutup atau murid tidak akan disuraikan sehingga mendapat persetujuan ibu bapa dan masyarakat setempat.

RJM40